

Perpaduan teras bangsa Malaysia

21 APR 1986

KUALA LUMPUR, Ahad
— **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad**, berkata usaha mewujudkan negara dan bangsa Malaysia yang maju dan makmur, hanya akan tercapai jika rakyat pelbagai kaum berusaha bersungguh-sungguh mengekalkan perpaduan, keamanan dan kemakmuran yang dinikmati.

Perdana Menteri berkata, walaupun bangsa Malaysia merangkumi pelbagai

kaum, agama dan fahaman politik, melalui kerjasama dan persefahaman mereka boleh hidup bersatu padu dan aman damai.

"Kitalah yang menentukan maju atau mundurnya negara ini, sama ada selalu huru-hara atau berada dalam kelembapan.

"Oleh itu seluruh rakyat perlu memupuk perpaduan dan kerjasama kerana nasib bangsa dan negara Malaysia bergantung kepada kita menentukannya," tegasnya ketika merasmikan Konvensyen Pembangunan Bangsa Malaysia, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pagi tadi.

Seramai 1,500 pemimpin pelbagai kaum dari seluruh negara, termasuk Sabah dan Sara-

wak hadir di majlis itu.

Katanya, sebagai negara yang mengamalkan sistem politik demokrasi berparlimen, rakyat berhak menentukan nasib mereka walaupun pada hakikatnya mereka semata-mata memilih wakil rakyat sahaja.

Tindakan

"Kalau kita tersalah pilih kita akan rasai akibatnya, kalau kita pandai memilih kita akan menikmati kesan daripada pemilihan itu," tambahnya.

Perdana Menteri mengingatkan kumpulan dan golongan tertentu supaya tidak hanya mementingkan sesuatu kaum atau golongan dalam apa-apa tindakan kerana itu akan menimbulkan masalah kepada negara.

Katanya, apabila sesuatu kaum mengalami kerugian kerana tindakan sesuatu kumpulan, kesannya akan dirasakan oleh semua rakyat.

"Dalam dunia moden sekarang tiada seorang pun atau kumpulan yang boleh mengasingkan diri daripada kaum atau kumpulan lain. Sebab itu saya mengalu-alukan usaha menyatupadukan rakyat dalam membentuk satu bangsa Malaysia," tegasnya.

Menurutnya lagi, sebagai bangsa Malaysia, semua rakyat harus berfikir dan berusaha menyatupadukan rakyat serta mengurangkan salah faham antara mereka.

Bagaimanapun, beliau mengakui usaha itu menghadapi banyak masalah kerana ada

rakyat yang berikrar mewujudkan perpaduan tetapi tidak mengamalkannya.

Katanya, walaupun kerajaan bersikap liberal, rakyat khususnya golongan terpelajar mempunyai tugas penting menyatupadukan rakyat.

"Tetapi malangnya ada sesetengah daripada golongan terpelajar membawa pelbagai hujah yang mengelirukan rakyat dan menjajaskan perpaduan," ujarinya.

Katanya, di kalangan mudamudi juga tidak ada usaha mewujudkan perpaduan, mungkin kerana mereka dipengaruhi oleh orang dewasa yang mempunyai kepentingan tertentu.

Perdana Menteri berkata kerajaan mengadakan pelbagai rancangan bagi mewujudkan perpaduan kaum di negara ini dan kejayaannya bergantung kepada sokongan semua rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir gembira kerana kini pemimpin politik pembangkang sudah menerima hakikat bahawa perhubungan dan perpaduan kaum adalah penting.

"Sebab itu, sudah ada usaha parti-parti tertentu berhubung dengan kaum lain bagi mencapai perjuangan politik mereka," tambahnya.

Bersedia

Katanya, sungguhpun parti-parti politik yang berasaskan satu kaum wujud di negara ini, mereka bersedia bekerjasama mewujudkan perpaduan dan keamanan.

Selain itu, tambahnya, sikap bertimbang rasa juga perlu ada bagi mengatasi pelbagai masalah termasuk memenuhi pelbagai permintaan kaum.

"Bagaimanapun, kita tidak dapat memuaskan hati semua kaum kerana bukan semua permintaan mereka dapat dilayani sepenuhnya," tambahnya.